





PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, JULAI 2025

Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit (RM bilion)




Indeks Volum




Indeks Volum Pelarasan
Bermusim Julai 2025: 2.8%
(Bulan ke Bulan)


Nilai Jualan Perdagangan Borong (RM bilion)



Nilai Jualan Perdagangan Runcit (RM bilion)



Nilai Jualan Kenderaan Bermotor (RM bilion)



Perubahan Peratusan: Tahun ke Tahun

KUMPULAN UTAMA (NILAI JUALAN)

Perdagangan Borong




Perdagangan Runcit



Kenderaan Bermotor



Prestasi Nilai Jualan dan Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit



Pertumbuhan kukuh 5.0 peratus dalam Perdagangan borong & runcit dengan jualan RM156.4 bilion pada Julai 2025

- Perdagangan borong & runcit merekodkan jumlah jualan sebanyak RM156.4 bilion pada Julai, dengan pertumbuhan 5.0 peratus tahun ke tahun.
- Jualan sektor Perdagangan borong & runcit meningkat pada Julai 2025, didorong terutamanya oleh subsektor Borong dan Runcit. Subsektor Perdagangan borong mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM70.1 bilion, meningkat 5.4 peratus tahun ke tahun. Subsektor Perdagangan runcit juga mencatatkan pertumbuhan yang kukuh, dengan jualan RM67.0 bilion, meningkat 5.6 peratus. Sementara itu, subsektor Kenderaan bermotor merekodkan jualan RM19.3 bilion, pertumbuhan sederhana sebanyak 1.6 peratus tahun ke tahun.
- Lain-lain pengkhususan jualan borong merekodkan pertumbuhan 4.0 peratus tahun ke tahun, mencapai RM25.8 bilion. Jualan borong barangan isi rumah juga mencatatkan pertumbuhan yang kukuh, meningkat 6.7 peratus kepada RM14.7 bilion. Jualan borong makanan, minuman & tembakau juga naik 6.6 peratus kepada RM14.1 bilion. Sementara itu, Jualan borong jentera, peralatan dan bekalan tumbuh 5.9 peratus kepada RM5.7 bilion.
- Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan merekodkan peningkatan sebanyak 5.5 peratus tahun ke tahun, mencapai RM25.8 bilion. Jualan runcit di kedai pengkhususan turut merekodkan prestasi yang kukuh, naik 7.6 peratus kepada RM14.0 bilion. Pada masa yang sama, Jualan runcit bahan api kenderaan berkembang 6.6 peratus tahun ke tahun kepada RM6.3 bilion. Selain itu, Jualan runcit peralatan isi rumah meningkat 3.6 peratus, manakala Jualan runcit makanan, minuman & tembakau bertumbuh 6.1 peratus, sekali gus menyumbang kepada pengukuhan keseluruhan subsektor Perdagangan runcit pada Julai 2025.



- Subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan pertumbuhan positif tahun ke tahun bagi beberapa kumpulan. Penyelenggaraan dan pembaikan kenderaan bermotor meningkat 6.2 peratus kepada RM2.9 bilion, diikuti oleh Jualan komponen & aksesori kenderaan bermotor (2.9%) dengan jumlah RM5.2 bilion. Jualan, penyelenggaraan dan pembaikan motosikal turut mencatatkan peningkatan sebanyak 7.5 peratus, mencecah RM1.3 bilion. Walau bagaimanapun, Jualan kenderaan bermotor menunjukkan penurunan berbanding setahun yang lalu. Namun demikian, bagi perbandingan bulanan, kumpulan ini kekal sebagai penyumbang tertinggi, merekodkan pertumbuhan dua digit iaitu sebanyak 23.8 peratus kepada RM9.9 bilion, meningkat daripada RM8.0 bilion yang dicatatkan pada Jun 2025.
- Indeks jualan runcit dalam talian meningkat 5.8 peratus tahun ke tahun, mencerminkan kecenderungan berterusan pengguna terhadap platform beli-belah digital. Selepas pelarasan musim, indeks tersebut meningkat sebanyak 1.2 peratus bulan ke bulan.
- Dari segi indeks volum, Perdagangan borong & runcit merekodkan peningkatan 4.6 peratus tahun ke tahun. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan borong yang meningkat 5.9 peratus, diikuti oleh Perdagangan runcit dan Kenderaan bermotor masing-masing dengan 4.4 peratus dan 0.9 peratus. Bagi pelarasan musim, indeks volum meningkat 2.8 peratus bulan ke bulan.

